

Mahasiswa UMS tabur bakti di SK Kebagu

BH. 7. 12. 17 v59

Kota Kinabalu: Program Charity for Unity anjuran Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (JAKMAS), Kolej Kediaman Usia 1Borneo (KKU1B), Universiti Malaysia Sabah (UMS), menggalakkan pelajar mengeratkan hubungan silaturahmi dengan masyarakat luar.

Pengarah program, Nu-

rul Hazirah Abdul Wahap, berkata acara itu menyaksikan peserta menjalankan pelbagai aktiviti menarik bersama 78 murid Tahun Enam di Sekolah Kebangsaan (SK) Kebagu, Mengatal di sini.

“Program ini secara langsung mendedahkan pelajar UMS dengan dunia kesuka-

relawanan yang memanfaatkan komuniti,” katanya.

Bina kesedaran

Antara pengisian program itu ialah slot ceramah motivasi bertajuk ‘Mengetahui Diri dan Pergaulan Yang Selamat’ yang disampaikan Pegawai Psikologi Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) UMS, Nurul

Fatiha Firdaus Roslan.

Sementara itu Pengetua KKU1B, Dr Freddie Robinson, berkata program sedemikian memberi impak positif kepada pelajar UMS dan murid sekolah terbabit.

“Program ini juga dapat membina kesedaran mengenai kepentingan memilik minda sihat dan dapat

memberi bantuan kepada masyarakat yang memerlukan,” katanya ketika berucap merasmikan majlis penutupan acara itu, baru-baru ini.

Yang turut hadir ialah Guru Besar SK Kebagu, Binukat @ Hamidah Rumpi, dan Timbalan Pengetua KKU1B, Norhanieyati Norhaizat.



Murid SK Kebagu tekun mengikuti aktiviti dijalankan oleh pelajar UMS.